

05/08/1998

Apa niat Singapura bangkit isu remeh?

Yusri Yakub

BELUMPUN reda isu media massa Singapura yang membangkitkan pelbagai isu remeh-temeh dan boleh membakar semangat rakyat Malaysia, kini timbul pula isu baru. Isu pemindahan kemudahan pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari Stesen Tanjong Pagar di Selatan Singapura ke Woodlands. Isu ini pada mereka yang berfikiran waras, tidak seharusnya ditimbulkan apa lagi daripada Singapura yang selalu menganggap mereka maju dan sentiasa terkini dalam pelbagai aspek.

Perkara ini juga tentunya tidak patut diperbesarkan jika Kerajaan Singapura mengamalkan sikap toleransi, semangat kejiwaan dan beberapa semangat lagi yang tentunya mencerminkan kerjasama dan persefahaman antara kedua-dua negara yang sudah lama bersahabat. Persahabatan Malaysia-Singapura bukan baru bermula semalam, tetapi sudah lama terjalin. Mungkin pemimpin Singapura yang ada hari ini lupa pada sejarah.

Kementerian Dalam Negeri Singapura (MHA) menegaskan dalam kenyataannya, penumpang kereta api akan menghadapi kesukaran dan ketidakselesaian sekiranya imigresen Malaysia terus melakukan tugasnya di Stesen Kereta Api Tanjong Pagar pada 1 Ogos 1998. Sementara itu, Menteri Luar Singapura juga dalam kenyataannya mengatakan keengganan Malaysia memindahkan kemudahan imigresennya dari stesen kereta api di bahagian tengah Singapura akan membawa akibat serius. Apakah maksud di sebalik kenyataan yang dikeluarkan Kerajaan Singapura ini? Yang nyata, tanpa mengira apa yang ada di sebalik kenyataan itu, jelas Kerajaan Singapura membelakangi semangat setia kawan dan semangat kejiwaan sedia ada, lalu boleh mengakibatkan hubungan dua hala menjadi lebih keruh serta membantutkan rundingan antara dua negara.

Kerajaan Singapura jelas mencabul semangat dan keamanan yang disuarakan di dalam Asean. Mungkin mereka lupa yang mereka juga menganggotai Asean yang melaung-laungkan semangat dan keamanan antara negara anggota Asean. Semangat Asean ini sudah 31 tahun dilaungkan oleh negara anggota Asean termasuk Singapura sendiri.

Ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengarahkan supaya tidak berganjak dari Tanjong Pagar mencerminkan Malaysia juga mementingkan kedaulatan negara dan maruah bangsa Malaysia yang tidak mudah diperkotak-katikkan sewenang-wenangnya oleh mereka yang berniat jahat.

Singapura sebenarnya lama mencemburui Malaysia yang bergerak pantas dalam segenap bidang sama ada dalam bidang pertanian hinggalah kepada bidang teknologi canggih yang semakin jauh meninggalkan Singapura di belakang. Mungkin Singapura juga cemburu melihat kenderaan buatan Malaysia meluncur di jalan raya termasuk di jalan raya Singapura sendiri, atau berasa sayup dengan bangunan yang semakin tinggi di Malaysia, bahkan tertinggi di dunia. Singapura seharusnya bangkit daripada mimpi indah yang sekian lama mengulit tidur mereka. Malaysia bukan lagi seperti 20 tahun dulu tetapi sudah bergerak 20 tahun ke depan.

Buat Singapura, hentikanlah menimbulkan pelbagai isu dan perkara remeh-temeh kerana kita sememangnya dua negara yang sudah lama bersahabat dan hidup dalam suasana yang penuh keharmonian dan aman damai. Jangan jadi boneka kepada dalang yang mungkin memporak-perandakan diri sendiri. Jangan biarkan rantau ini porak-peranda kerana kejahilan dan kedegilan atau apakah hajat Singapura sebenarnya?